

ARAHAN 6/2020

DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 22 Rejab 1441 bersamaan dengan 17 Mac 2020,
 - 1.1. Negara Brunei Darussalam mengekalkan larangan kemasukan ke Negara Brunei Darussalam bagi pelawat-pelawat yang tiba dari wilayah Hubei di Republik Rakyat China dan Republik Islam Iran, dan memperluaskannya kepada seluruh Eropah, termasuk United Kingdom. Larangan ini adalah bagi mereka yang tiba dari negara-negara berkenaan dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh ketibaan ke negara ini dan dikecualikan bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
 - 1.2. Sesiapa yang tiba di negara ini dari mana-mana negara adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari sebaik sahaja tiba ke Negara Brunei Darussalam.
 - 1.3. *Risk categorization* bagi negara-negara yang terjejas oleh COVID-19 tidak lagi digunapakai.

2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441
18 Jun 2020